



## Syarikat AS Bantu Komersil Kajian UPM



*Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah dan Dr. Curtis R. Carlson bertukar dokumen MoA sambil diperhatikan oleh Prof. Dato' Dr. Mohamed Shariff Mohamed Din dan Mr. Stephen Ciesinski.*

**SERDANG, 27 Mei** – Universiti Putra Malaysia (UPM) mengadakan kerjasama dengan institusi pakar pengkomersilan Amerika Syarikat (AS) iaitu SRI International (SRI) untuk mengkomersilkan penyelidikan dan inovasi penyelidik UPM di peringkat antarabangsa.

Naib Canselor UPM, Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah berkata SRI akan menilai dan mempercepatkan proses pengkomersilan sebelum membantu untuk mencari syarikat yang akan memasarkan produk terlibat:

"Proses ini akan memilih 25 projek berpotensi untuk menjalani latihan pengkomersilan seperti menyediakan business plan dan menjadikan produk lebih menarik."

"Pada peringkat akhir, SRI akan memilih tiga produk sahaja untuk dikomersilkan dan dibawa ke California untuk penilaian seterusnya yang lebih teliti dan mencari rakan pengkomersilan," katanya pada majlis menandatangani perjanjian (MoA) dengan SRI di sini yang telah ditandatangani oleh Datuk Dr. Nik Mustapha dan Presiden SRI, Dr. Curtis R. Carlson.

Beliau berharap sekurang-kurangnya satu daripada tiga produk UPM boleh dikomersilkan di peringkat global dengan projek yang terpilih akan disenaraikan di bursa saham New York sebelum nilai produk akan meningkat naik.

Datuk Dr. Nik Mustapha berkata kerjasama dengan SRII sekurang-kurangnya dalam tempoh setahun itu melibatkan kos kontrak sebanyak USD835,000.

"UPM institusi pertama di Malaysia yang menggunakan kapakaran SRI. Walaupun proses penilaian SRI amat ketat, mereka berpengalaman memadankan produk UPM dengan venture capital antarabangsa," katanya.

Beliau berkata SRI membantu penyelidik UPM bekerjasama dengan pakar teknikal dan market domain yang sesuai di syarikatnya untuk meningkatkan dan mempercepatkan proses pengkomersilan dan pemasaran inovasi baru melalui perlesen teknologi.

"Mouse computer ialah satu contoh kejayaan penyelidikan yang telah dikomersilkan oleh SRII," katanya merujuk syarikat pakar inovasi dari California yang telah mengkomersilkan 55 ribu inovasi penyelidikan antarabangsa dalam tempoh 60 tahun.



*Prof. Datuk Dr. Nik Mustapha R. Abdullah semasa menandatangani dokumen MoA tersebut.*

Disediakan oleh Seksyen Media dan Publisiti Bahagian Komunikasi Korporat UPM.